

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO: 16/4-1775/07

ANTARA

ENCIK MOHAMAD BIN ABU BAKAR

DAN

PENGANGKUTAN COGENT SDN. BHD.

AWARD NO: 964 TAHUN 2010

Di hadapan : **TUAN ROSLAN BIN MAT NOR**
- **PENGERUSI**

Tempat : Mahkamah Perusahaan Malaysia,
Cawangan Johor.

Tarikh Rujukan : 18.07.2007

Tarikh Sebutan : 26.11.2007; 26.02.2008; 26.05.2008;
21.07.2008; 28.08.2008; 10.02.2010.

Tarikh Perbicaraan : 13.05.2009; 10.09.2009; 16.06.2010;
12.07.2010.

Perwakilan : Encik Mohana Das a/l Krishnan
Daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Mewakili Pihak Penuntut.

: Encik Jeevaretnam
Daripada Tetuan Jeevaretnam & Co.
Mewakili Pihak Responden.

Rujukan:

Ini adalah suatu rujukan yang dibuat di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang timbul dari pembuangan kerja **Encik Mohamad Bin Abu Bakar** (selepas ini disebut sebagai “Pihak Menuntut”) oleh **Pengangkutan Cogent Sdn. Bhd.** (selepas ini disebut sebagai “Pihak Syarikat”) pada 22.06.2006. Kes ini telah dirujuk oleh Y. B. Menteri Sumber Manusia pada 18.07.2007 dan diterima oleh Mahkamah Perusahaan ini pada 13.09.2007.

AWARD

Fakta

1. Pihak Menuntut telah mula bekerja dengan Pihak Syarikat sebagai “Maintenance Supervisor” pada 10.09.2005 dengan pendapatan RM1,700.00 sebulan. Pada 22.06.2006 Pihak Menuntut telah menerima surat penamatan perkhidmatan daripada Pihak Syarikat.
2. Punca kepada surat penamatan kerja Pihak Menuntut adalah ekoran dakwaan bahawa Pihak Menuntut telah dikatakan menerima wang daripada suatu syarikat C&C Automative yang telah memperbaiki lori syarikat yang rosak.

Keterangan Pihak Menuntut

3. Pihak Menuntut menyatakan bahawa beliau telah diminta untuk

menguruskan pembaikan sebuah motor lori nombor pendaftaran NBK 2806. Pihak Menuntut telah membaiki motor lori itu di sebuah workshop lain sebelum kejadian ini. Namun demikian setelah dua bulan motor lori itu masih tidak diperbaiki. Pihak Menuntut telah diminta oleh COW1 untuk mempercepatkan pembaikan motor lori tersebut.

4. Berdasarkan kepada arahan tersebut Pihak Menuntut telah berurusan dengan Syarikat C&C Automative untuk memperbaiki motor lori tersebut. Pihak Menuntut menyatakan bahawa pihak Syarikat C&C Automative meminta beliau membayar deposit sekiranya ingin mengeluarkan lori tersebut dari bengkel C&C Automative dengan segera. Pihak Menuntut menyatakan bahawa beliau telah membayar RM2,300.00 kepada C&C Automative.

5. Pihak Menuntut menyatakan bahawa beliau ada menerima wang RM1,600.00 daripada Encik Goh (COW3) sebagai bayaran balik kepada wang yang telah didahului oleh Pihak Menuntut kepada C&C Automative. Pihak Menuntut menyatakan:

S: Adakah Nabisah beri wang RM1,600.00 kepada Encik Goh?

J: Dia pinjam melalui saya wang sebanyak RM2,300.00 kesemuanya.

S: Mengapa cek sebanyak RM1,600.00 sahaja?

J: Sebab dia kata ada wang sebanyak itu sahaja. Ia adalah separuh bayaran dari RM2,300.00 yang dia pinjam dari saya.

S: Adakah dia pinjam?

J: Dia bukan pinjam tetapi untuk mengeluarkan lori perlukan deposit.

6. Keterangan Pihak Menuntut menunjukkan bahawa wang RM1,600.00 yang diberikan oleh COW3 adalah sesuatu yang memang hak Pihak Menuntut. Oleh itu tidak timbul isu bahawa beliau tidak berhak menerima bayaran tersebut.

Keterangan Pihak Syarikat

7. Pihak Syarikat melalui keterangan saksi-saksi mereka menyatakan bukan merupakan amalan Syarikat untuk meminta para pekerja mendahulukan apa-apa bayaran bagi Pihak Syarikat. Selain daripada itu COW3 di dalam keterangan mengenai bayaran kepada Pihak Menuntut menyatakan seperti berikut:

Q: Did you pay Pengangkutan Cogent for a scrap axle?

A: Yes, I paid by cheque for RM1,600.00.

Q: To whom you gave the cheque?

A: To Encik Mohamad (the Claimant).

Q: Did you address the cheque to Pengangkutan Cogent?

A: I did not write the name of Pengangkutan Cogent on the cheque.

Q: Why you didn't write the name company on the cheque?

A: Because I pass the cheque to Encik Mohamad.

Q: Did Encik Mohamad asked you not to write the name of the company?

A: Yes.

8. Sementara itu berkenaan dengan bayaran RM500.00 yang dibayar kepada Pihak Menuntut, COW3 menyatakan:

Q: I put it to you that the three cheques you issued to the Claimant is refund of the deposit that he given to you?

A: No.

Q: Why you must pity him to give him RM500.00 cheque?

A: He came and saw me and told he had no job.

9. COW3 juga menafikan bahawa beliau ada meminta wang pendahuluan daripada Pihak Menuntut untuk mengeluarkan motor lori tersebut. Sebaliknya, COW3 telah mengeluarkan “delivery order” yang memerlukan pembayaran dibuat dalam tempoh 3 hari seperti invois/delivery order di halaman 8 dan purchase order di halaman 9 bertarikh 22.03.2006 dalam jumlah RM9,700.00.

Penilaian Keterangan Dan Undang-Undang

10. Adalah menjadi prinsip undang-undang termaklum bahawa tugas Mahkamah di dalam kes ini ialah untuk membuat dapatan sama ada terdapat

salah laku yang dilakukan oleh Pihak Menuntut, sekiranya terdapat salah laku adakah ia merupakan satu alasan yang adil untuk pembuangan kerja Pihak Menuntut (lihat *Milan Auto Sdn. Bhd v. Wong Seh Yen* [1995] 4 CLJ 229).

11. Di dalam kes ini keterangan Pihak Menuntut jelas menunjukkan bayaran RM2,300.00 telah dibuat olehnya kepada Syarikat C&C Automative. Bayaran cek oleh COW3 sebanyak RM1,600.00 itu adalah bayaran balik kepada bayaran pendahuluan tersebut walaupun ia bukannya bayaran balik sepenuhnya sebagai bayaran pendahuluan tersebut. Sementara Pihak Syarikat melalui keterangan COW3 menafikan transaksi yang didakwa oleh Pihak Menuntut. Dalam erti kata lain terdapat versi yang berbeza di antara Pihak Menuntut dan Pihak Syarikat. Dalam keadaan ini apakah yang perlu dilakukan oleh Mahkamah? Adakah versi Pihak Menuntut perlu diterima oleh Mahkamah atau sebaliknya. Ini ditambah pula dengan penafian COW3 bahawa beliau meminta bayaran pendahuluan daripada Pihak Menuntut. Berdasarkan kepada panduan yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Tindok Besar Estate Sdn. Bhd. v. Tinjar Co.* [1979] 1 LNS 119 di mana Y. A. Hakim Chang Min Tat, Hakim Mahkamah Persekutuan menyatakan antara lain:

“For my self, I would with respect feel somewhat safer to refer to and rely on the acts and deeds of a witness which are contemporaneous with the

event and to draw the reasonable inferences from them than to believe his subsequent recollection or version of it, particularly if he is a witness with a purpose of his own to serve and if it did not account for the statements in his documents and writings. Judicial reception of evidence requires that the oral evidence be critically tested against the whole of the other evidence and the circumstances of the case. Plausibility should never be mistaken for veracity.”

12. Prinsip yang sama juga dinyatakan oleh Majlis Privi dalam kes *Grace Shipping Tnc & Anor v. CF Sharp & Co. (Malaysia) Pte. Ltd.* [1986] 1 LNS 60. Tatacara pengendalian bertentangan keterangan saksi-saksi ini juga dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Dato' Dr. Zambry Abd. Kadir v. Dato' Seri Ir. Hj. Mohammad Nizar Jamaluddin, Attorney General of Malaysia (intervener)* [2009] 5 CLJ 265 di halaman 291 seperti berikut:

“It is a trite law that when there is a conflict between the evidence of two witnesses, the Court would resolve the conflict by relying on the uncontroverted documentary evidence which is neutral in nature...”

Dalam erti kata lain, pendekatan yang dinyatakan oleh Mahkamah atasan di dalam isu ini ialah meneliti keterangan saksi-saksi yang bercanggahan antara satu sama lain dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan di Mahkamah di samping dokumen-dokumen yang dikemukakan.

13. Namun demikian Mahkamah juga mengambil perhatian pendekatan yang digunakan dalam isu ini yang mengaitkan kebolehterimaan keterangan saksi-saksi dengan beban pembuktian. Ini dapat dilihat di dalam kes *Premela Balakrishnan v. Chop Swee Hin Chan* [2010] 2 ILR 485, *DAG Eletrophonic Sdn. Bhd. v. Normaizun Noordin* [2009] 2 LNS 1331 dan *Tan Hock Lai v. Titi Kembang Kaya Sdn. Bhd.* [2009] 2 LNS 1364. Pendekatan ini adalah berasas kepada keputusan House of Lords di dalam kes *Rhesa Shipping Co. SA v. Edmunds and another The Popi M* [1985] 2 All ER 712. Kes ini melibatkan tuntutan insuran akibat kemusnahan kapal di laut. Lord Brandon telah menyatakan seperti berikut di halaman 718:

“My Lords, the late Sir Arthur Conan Doyle in his book *The Sign of Four* describes his hero, Mr. Sherlock Homes, as saying to the latter's friend, Dr. Watson: 'How often have I said to you that, when you have eliminated the impossible, whatever remains, however improbable, must be the truth?' It is, no doubt, on the basis of this well-known but unjudicial dictum that Bingham J decided to accept the shipowners' submarine theory, even though he regarded it, for seven cogent reasons, as extremely improbable.

In my view there are three reasons why it is inappropriate to apply the dictum of Mr. Sherlock Holmes to which I have just referred to the process of fact-finding which a judge of first instance has to perform at

the conclusion of a case of the kind here concerned.

The first reason is one which I have already sought to emphasise as being of great importance, namely that the judge is not bound always to make a finding one way or the other with regard to the facts averred by the parties. He has open to him the third alternative of saying that the party on whom the burden of proof lies in relation to any averment made by him has failed to discharge that burden. No judge likes to decide cases on burden of proof if he can legitimately avoid having to do so. There are cases, however, in which, owing to the unsatisfactory state of the evidence or otherwise, deciding on the burden of proof is the only just course for him to take.

The second reason is that the dictum can only apply when all relevant facts are known, so that all possible explanations, except a single extremely improbable one, can properly be eliminated. That state of affairs does not exist in the present case: to take but one example, the ship sank in such deep water that a diver's examination of the nature of the aperture, which might well have thrown light on its cause, could not be carried out.

The third reason is that the legal concept of proof of a case on a balance of probabilities must be applied with common sense. It requires

a judge of first instance, before he finds that a particular event occurred, to be satisfied on the evidence that it is more likely to have occurred than not. If such a judge concludes, on a whole series of cogent grounds, that the occurrence of an event is extremely improbable, a finding by him that it is nevertheless more likely to have occurred than not, does not accord with common sense. This is especially so when it is open to the judge to say simply that the evidence leaves him in doubt whether the event occurred or not, and that the party on whom the burden of proving that the event occurred lies has therefore failed to discharge such burden.

In my opinion Bingham J adopted an erroneous approach to this case by regarding himself as compelled to choose between two theories, both of which he regarded as extremely improbable, or one of which he regarded as extremely improbable and the other of which he regarded as virtually impossible. He should have borne in mind, and considered carefully in his judgment, the third alternative which was open to him, namely that the evidence left him in doubt as to the cause of the aperture in the ship's hull, and that, in these circumstances, the shipowners had failed to discharge the burden of proof which was on them.”

Jika diteliti kepada pandangan Lord Brandon, kegagalan pihak Yang Menuntut mengemukakan keterangan adalah dikaitkan dengan beban pembuktian. Disebabkan terdapat keraguan terhadap keterangan yang dikemukakan Pihak Menuntut telah gagal melunaskan tanggungjawab beban pembuktian ke atasnya. Ini bermakna Pihak Menuntut gagal di dalam kesnya adalah disebabkan ketidakupayaannya memenuhi beban pembuktian dan ia bukanlah menjadi penentu keterangan saksi manakah yang boleh diterima oleh Mahkamah.

14. Pemakaian prinsip di dalam kes Popi M ini dapat dilihat pada huraian di dalam buku Phipson On Evidence Seventeenth Edition 2010 di halaman 152 seperti berikut:

“While a judge or tribunal of fact should make findings of fact if it can, in exceptional cases it may be forced to the conclusion that it cannot say that either version of events satisfies the balance of probabilities. In such a case the burden of proof may determine which party succeeds.

Where there are two improbable theories, the elimination of one does not automatically lead to the acceptance of the other, equally improbable, theory. The judge is not bound always to make a finding one way or the other. He has open to him the third alternative, saying that the party on whom the burden of proof lies in relation to any fact

has failed to discharge that burden.

The judge must be satisfied on the evidence that a particular fact or state of affairs is more likely to have occurred than not. If a judge concludes that the occurrence of an event is extremely improbable, a finding by him that it is nevertheless more likely to have occurred than not does not accord with common sense.

Elimination of an improbable theory may of course lead to the acceptance of a competing theory that is not improbable where the available evidence supports this.”

15. Dalam kes ini Mahkamah berpendapat pendekatan yang wajar digunakan ialah garis panduan yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Tindok Besar yang diputuskan oleh Mahkamah atasan selaras dengan prinsip Stare Decisis. Jika pendekatan ini tidak dipatuhi oleh Mahkamah, ia akan menyebabkan ketidaktentuan prinsip undang-undang berkenaan isu ini. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *The Co-Operative Central Bank Ltd. v. Feyen Development Sdn. Bhd.* [1997] 3 CLJ 365 setelah memetik kes *Cassell and Co. Ltd. v. Broome* [1972] AC 1027 menyatakan seperti berikut:

“In our view, every word of what Lord Hailsham said regarding the status of judgments and relevance of precedent in the House of Lords, the circumstances, and the duty of the Court of Appeal to accept loyally the decisions of the House of Lords, and the chaotic consequences which would follow should the Court of Appeal fail in this duty, apply with full force, *mutatis mutandis*, to this country and we adopt what he said. Clearly, the Court of Appeal in *Harta Empat* flew in the face of the principles enunciated by Lord Hailsham and we can only express the hope that it will not be necessary for the Federal Court hereafter to have to remind the Court of Appeal of those principles.”

16. Dalam kes ini keterangan Pihak Menuntut bahawa beliau memberikan wang RM2,300.00 kepada COW3 tidak disokong oleh sebarang dokumen seperti resit, surat atau akuan penerimaan. Malahan ia dinafikan oleh COW3. Saksi Syarikat COW1 dan COW2 menyatakan bahawa bukanlah dasar Syarikat untuk meminta pekerja mereka membayar wang pendahuluan kepada mana-mana Syarikat. Di samping tiada saksi yang dapat mengesahkan pembayaran RM2,300.00 kepada Syarikat C&C Automative oleh Pihak Menuntut.

17. Ia ditambah pula dengan Purchase Order di halaman 8 dan 9 COB yang menunjukkan bahawa bayaran RM9,700.00 berkenaan pembaikan motor lori itu perlu diselesaikan dalam tempoh 3 hari bekerja di mana dinyatakan

bayaran RM9,700.00 dibuat pada 28.03.2006. Keterangan ini menunjukkan bahawa bayaran sepenuhnya telah dibuat oleh Syarikat kepada C&C Automative. Oleh itu tidak timbul bayaran lain dalam urusan Syarikat dan C&C Automative mengesah pembaikan motor lori NBK 2806 itu.

18. Keterangan COW3 menunjukkan bahawa RM1,600.00 itu adalah merupakan hasil jualan alat ganti yang telah rosak daripada NBK 2806 yang diserahkan kepada Pihak Menuntut untuk diserahkan kepada Syarikat. Namun ia tidak diserahkan kepada Syarikat oleh Pihak Menuntut. COW3 menyatakan bahawa cek yang diserahkan itu tidak ditulis nama penerima. Namun di salinan cek di muka surat 7 COB tertera nama penerima cek Nabisah Transport Agency. Pihak Menuntut di dalam keterangannya tidak menafikan bahawa pemilik Nabisah Transport adalah isteri beliau.

19. Pihak Menuntut menyatakan bahawa cek tersebut tertera nama Nabisah Transport Agency kerana beliau ada menggunakan wang daripada Nabisah Transport Agency untuk membayar bayaran pendahuluan C&C Automative. Puan Nabisah tidak dikemukakan di Mahkamah untuk mengesahkan fakta tersebut.

20. Namun demikian Mahkamah tidak boleh mengenyahkan keterangan bahawa Pihak Menuntut adalah seorang yang buta huruf. Hal ini mungkin boleh menyebabkan Pihak Menuntut terdedah dengan kemungkinan

dikelirukan dengan bayaran yang dibuat kepada C&C Automative atau menerima bayaran RM1,600.00 itu tanpa mengetahui bahawa ia sepatutnya dibayar kepada Syarikat. Namun tiada keterangan yang menunjukkan fakta tersebut berlaku dalam kes ini.

21. Apa yang berlaku dalam kes ini, alat ganti yang rosak itu adalah milik Pihak Syarikat. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa Pihak Menuntut telah diberikan kuasa untuk melupuskannya tanpa perlu merujuk kepada Pihak Syarikat. Ini bermakna pada masa yang matan alat ganti yang rosak itu adalah milik Pihak Syarikat. Oleh itu COW3 menyerahkan hasil jualan alat ganti itu kepada Pihak Syarikat melalui Pihak Menuntut. Mahkamah berpendapat kegagalan Pihak Menuntut menyerahkan bayaran harga jualan alat ganti itu kepada Pihak Syarikat adalah sesuatu yang tidak boleh dipertahankan. Ia adalah merupakan salah laku.

22. Adalah menjadi prinsip undang-undang dan ekuiti yang termaklum bahawa seorang pekerja adalah diharapkan dapat memelihara kepentingan harta milik majikannya. Ia adalah satu harapan yang munasabah daripada seorang majikan. Pekerja tidak boleh melupuskan harta milik majikan tanpa mendapat kebenaran majikan atau mengikut tatacara yang ditetapkan majikan. Sikap amanah adalah tonggak utama hubungan majikan dan pekerja. Sebarang tindakan kurang amanah daripada pekerja akan memusnahkan dan menghancurkan hubungan pekerja dan majikan. Majikan

tidak boleh diharapkan dapat meneruskan perkhidmatan seorang pekerja yang gagal menjaga amanah tersebut.

23. Di dalam kes ini Mahkamah berpendapat wang RM1,600.00 yang diberikan oleh COW3 kepada Syarikat melalui Pihak Menuntut adalah merupakan hak milik Pihak Syarikat. Ia adalah hasil jualan skrap axle oleh C&C Automative. Kegagalan Pihak Menuntut menyerahkan wang tersebut kepada Pihak Syarikat adalah suatu tindakan yang mencabuli amanah tersebut. Walau bagaimanapun, Mahkamah juga perlu mengambil kira sama ada terdapat maklumat daripada COW3 kepada Pihak Syarikat mengenai penjualan skrap axle itu dan COW3 menyatakan bahawa wang hasil jualan itu dikirimkan melalui Pihak Menuntut. Tiada keterangan yang menunjukkan pemberitahuan COW3 kepada Pihak Syarikat mengenai perkara ini. Walau pun tiada pemakluman oleh COW3 kepada Pihak Syarikat namun ia tidak dapat menolak fakta bahawa wang RM1,600.00 bukannya milik Pihak Menuntut tetapi adalah milik Pihak Syarikat. Oleh itu, Pihak Menuntut tidak berhak ke atas wang tersebut. Mahkamah mendapati tiada kesimpulan lain yang boleh dibuat mengenai tingkah laku Pihak Menuntut ini melainkan ia adalah salah laku.

24. Mahkamah dalam kes ini telah memperhalusi keterangan yang dikemukakan oleh Pihak Menuntut dan Pihak Syarikat, eksibit-eksibit dan hujahan yang dikemukakan mendapati pembuangan kerja Pihak Menuntut

oleh Pihak Syarikat adalah adil dan beralasan (with just cause and excuse).

Tindakan Pihak Menuntut ditolak.

DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH 22HB JULAI 2010

**(ROSLAN BIN MAT NOR)
PENGERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
CAWANGAN JOHOR**